

INTEGRITI MAHASISWA UNIVERITI ISLAM SELANGOR (UIS) BERASASKAN PENGHAYATAN AGAMA: SATU TINJAUAN

Norsaadah binti Din @ Mohamad Nasirudin
Universiti Islam Selangor
E-mail: norsaadah@uis.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini bertujuan untuk meninjau integriti mahasiswa UIS berasaskan penghayatan agama. Metodologi yang digunakan adalah edaran soal selidik melalui aplikasi digital Google Form kepada 209 mahasiswa di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai program dan fakulti. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif (peratus, min) menggunakan perisian IBM SPSS versi 25. Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa tahap integriti mahasiswa UIS mencapai skor min iaitu 4.19. Berdasarkan interpretasi skor min Nunnally dan Bernstein (1994) 4.19 berada di tahap yang tinggi. Implikasi tinjauan ini menunjukkan bahawa integriti berasaskan penghayatan agama berupaya menggambarkan fenomena mahasiswa UIS dalam melaksanakan tugas amanah yang diberi oleh para pensyarah demi melahirkan kepimpinan dai'e, ulama dan umara yang cemerlang bukan sahaja di persada negara malah cemerlang hingga ke akhirat.

Kata Kunci : Integriti, Mahasiswa UIS, Penghayatan Agama

1. Pengenalan

Isu integriti merupakan antara isu yang hangat dibincangkan sama ada di media sosial mahupun di kedai kopi sehingga menjadi perbincangan di dewan parlimen. Ini kerana ia merupakan kebimbangan sejagat dan setiap tahun penyelidikan demi penyelidikan dijalankan sama ada di institusi pengajian tinggi awam mahupun swasta. Hasil data Indeks Persepsi Rasuah Antarabangsa 2020 menunjukkan dari 180 negara, Malaysia menduduki tangga ke 57 dengan skor 51 berbanding dengan skor negara yang rendah rasuah iaitu New Zealand yang menduduki tempat pertama dengan skor 88. Singapura menduduki tempat ketiga dengan skor 85 rasuah. Skor tertinggi adalah 100 iaitu bebas rasuah (Noraeyn, 2021).

Data ini menunjukkan penyelewengan dan salahguna kuasa menjejaskan segala bentuk isu integriti di Malaysia melibatkan pelbagai aspek seperti korupsi, ketelusan dalam pentadbiran, dan ketidakpatuhan kepada undang-undang dan peraturan. Korupsi adalah masalah besar yang memberi kesan negatif kepada ekonomi dan sosial negara. Pelbagai kes korupsi melibatkan individu berprofil tinggi dan pegawai kerajaan sering dilaporkan, mencerminkan perlunya usaha yang lebih berkesan dalam memerangi amalan ini (Noraeyn, 2021).

Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak berkuasa dan pegawai kerajaan adalah satu lagi isu integriti yang kritikal. Ini termasuk penggunaan kedudukan untuk keuntungan peribadi atau politik, serta penyelewengan dana awam (Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)).

Akibat dari ketidaktelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam dan sektor swasta menyebabkan kebimbangan dan ketidakpercayaan masyarakat terhadap institusi-institusi ini tentang bagaimana dana awam digunakan dan dipantau. (Laporan Audit Negara). Sehubungan itu bagi membendung isu ini dalam melahirkan individu yang berintegriti maka penulisan makalah ini memfokuskan kepada mahasiswa di Institut Pengajian Tinggi khususnya Universiti Islam Selangor

(UIS). Ini kerana sifat integriti perlu di pupuk dari rumah, kemudian dikembangkan di peringkat sekolah rendah dan menengah sehingga ke peringkat pengajian tinggi sebelum memasuki alam pekerjaan.

2. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan satu kaedah dalam pengumpulan data iaitu kajian tinjauan yang merupakan salah satu metode pengumpulan data bagi reka bentuk kajian kuantitatif. Instrumen bagi kajian tinjauan ialah edaran soal selidik melalui aplikasi digital *Google Form* kepada 209 mahasiswa di peringkat Diploma dan Ijazah Sarjana Muda dari pelbagai program dan fakulti. Data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif (peratus, min) menggunakan perisian IBM SPSS versi 25. Dapatan keseluruhan menunjukkan bahawa tahap integriti mahasiswa UIS mencapai skor min iaitu 4.19. Ini membuktikan wujudnya hubungan yang signifikan antara integriti dengan mahasiswa.

Soal selidik ini bersifat tertutup kerana pilihan jawapan telah sedia diberikan dan skala yang digunakan semasa pengkaji membuat borang soal selidik ialah Skala Likert Lima yang sesuai untuk mengukur sikap, pendapat atau persepsi seseorang. Item konstruk yang dikemukakan juga mengandungi soalan negatif dan positif.

Reka bentuk kajian pula ialah analisis kandungan. Analisis kandungan bertujuan menganalisis dokumen-dokumen dengan prosedur yang sistematik bagi menjelaskan kandungan sesebuah komunikasi. Fokus utamanya ialah mengukur kekerapan dan kepelbagaian mesej untuk mengesahkan hipotesis (Merriam, 2009). Dokumen-dokumen yang dianalisis melibatkan artikel, buku, laporan dan prosiding bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu Integriti Mahasiswa Universiti Islam Selangor (UIS) Berasaskan Penghayatan Agama: Satu Tinjauan.

3. Perbincangan

3.1 Konsep Integriti

Perkataan integriti berasal daripada perkataan Latin iaitu 'integer' yang bermaksud menyeluruh, sempurna, dan kesatuan yang teguh. Definisi integriti menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka edisi ke empat pula ialah kejujuran: keadaan sempurna dan utuh, keutuhan. Konsep integriti merujuk kepada sifat kejujuran dan keutuhan moral yang dimiliki oleh individu atau organisasi. Ia mencakupi kejujuran, ketelusan, konsistensi dalam tindakan dan nilai, serta keupayaan untuk mematuhi prinsip-prinsip etika. Integriti adalah asas kepada pembinaan kepercayaan dan keyakinan dalam interaksi sosial dan profesional (Carter, 1996). Tuntasnya integriti adalah kualiti moral yang menunjukkan seseorang itu boleh dipercayai dan jujur dalam semua aspek kehidupan, termasuk di tempat kerja, dalam hubungan peribadi, dan dalam kehidupan sosial.

Beberapa ciri utama integriti iaitu:

1. **Kejujuran:** Berbicara dan bertindak dengan jujur, tanpa menipu atau mengelirukan orang lain.
2. **Ketelusan:** Bersikap terbuka dan jelas dalam komunikasi serta tindakan.
3. **Konsistensi:** Menunjukkan kelakuan dan tindakan yang selaras dengan nilai dan prinsip peribadi sepanjang masa.

4. **Kebolehpercayaan:** Menepati janji dan komitmen, serta menjadi orang yang boleh diharapkan oleh orang lain.
5. **Keberanian Moral:** Berdiri teguh pada prinsip dan nilai, walaupun menghadapi tekanan atau risiko.
6. **Tanggungjawab:** Mengambil tanggungjawab atas tindakan dan keputusan sendiri serta kesediaan untuk mengakui kesalahan.

3.2 Integriti menurut pandangan Islam

Manakala menurut perspektif Islam pula integriti adalah konsep yang sangat penting dan ditekankan dalam banyak tempat ayat-ayat al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW merangkumi kejujuran, amanah, keadilan, dan ketelusan dalam segala tindakan dan interaksi. Aspek integriti sebagaimana yang disebut di dalam al-Quran:

1. Kejujuran (As-Sidq):

Dalam Al-Quran, Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّٰدِقِينَ ١١٩

Maksudnya: "Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah kamu bersama orang-orang yang benar." (Surah At-Tawbah, 9:119)

Dalam sebuah riwayat daripada Abdullah bin Mas`ud RA, Nabi SAW bersabda:

إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ حَتَّىٰ يَكُونَ صِدِّيقًا ، وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّىٰ يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا

Maksudnya: Sesungguhnya kejujuran itu membawa kepada kebaikan dan sesungguhnya kebaikan membawa kepada syurga. Sesungguhnya (apabila) seseorang itu melazimkan dirinya dengan kejujuran, nescaya dia akan dikenali sebagai orang yang jujur. Manakala kedustaan membawa kepada kejahatan dan sesungguhnya kejahatan membawa kepada neraka. Sesungguhnya tidaklah seseorang itu melazimkan dirinya dengan kedustaan melainkan dia dicatat di sisi Allah sebagai seorang pendusta.

Sahih Bukhari (6094) Muslim (2607)

2. Amanah (Trustworthiness):

Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا أَلْمَانَتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا ٥٨١

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya..." (Surah An-Nisa', 4:58)

Nabi Muhammad SAW bersabda:

إنه لا إيمان لمن لا أمانة له

Maksudnya: "Tidak sempurna iman seseorang yang tidak amanah."

(Riwayat Ahmad 3/135)

3. Keadilan (Justice):

Allah SWT berfirman:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٩٠

Maksudnya: "Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebaikan..."

(Surah An-Nahl, 16:90)

Daripada Abdullah bin 'Amr R.Anhuma meriwayatkan daripada Rasulullah SAW sebuah hadis iaitu:

إِنَّ الْمُفْسِدِينَ عِنْدَ اللَّهِ عَلَىٰ مَنَابِرٍ مِنْ نُورٍ عَنْ يَمِينِ الرَّحْمَنِ عَزَّ وَجَلَّ وَكَلَّمْنَا يَدِيهِ يَمِينُ الَّذِينَ يَعْدِلُونَ فِي حُكْمِهِمْ وَأَهْلِيهِمْ وَمَا وُلُّوا

Maksudnya: "Sesungguhnya orang yang adil di sisi Allah SWT (di akhirat kelak) di atas minbar-minbar yang diperbuat daripada cahaya dan kedudukannya di sebelah kanan al-Rahman 'Azza wa Jalla (Allah SWT) dan kedua tangan-Nya adalah kanan yang mana (mereka itu) adalah orang yang adil dalam menjatuhkan hukuman, adil ke atas ahli keluarganya dan juga orang yang dipimpinya."

Riwayat Muslim (1827)

4. Ketelusan (Transparency):

Dalam Al-Quran, Allah SWT mengingatkan:

وَلَا تَلْبِسُوا الْحَقَّ بِالْبَاطِلِ وَتَكْتُمُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ٤٢

Maksudnya: "Dan janganlah kamu campur-adukkan yang hak dengan yang batil dan janganlah kamu sembunyikan yang hak itu, sedang kamu mengetahui."

(Surah Al-Baqarah, 2:42)

Nabi Muhammad SAW bersabda:

دع ما يريك إلى ما لا يريك

Maksudnya: "Tinggalkanlah apa yang meragukanmu kepada apa yang tidak meragukanmu, kerana sesungguhnya kejujuran itu adalah ketenangan dan kebohongan itu adalah keraguan."

(Riwayat Tirmizi)

Integriti dalam Islam merangkumi interaksi dengan manusia malah dalam hubungan seseorang dengan Allah SWT. Ia melibatkan komitmen untuk hidup dengan penuh kejujuran, amanah, keadilan, dan ketelusan dalam semua aspek kehidupan.

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ادْخُلُوا فِي السِّلْمِ كَآفَّةً وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ ٢٠٨

" **Maksudnya :** Wahai orang-orang yang beriman! Masuklah agama Islam secara keseluruhan; dan janganlah kamu ikuti langkah-langkah syaitan; sesungguhnya syaitan memang musuh kamu yang nyata.

(al-Baqarah: 208)

Hal ini juga berdasarkan fatwa Syeikh Atiah Saqar (2003) dalam Kitabnya *Ahsanul Kalam Fil Fatawa wal Ahkam* dan disepakati oleh sebahagian ulamabahawa jenis kelakuan seperti meniru, menipu, memperdaya, memalsukan dan mengkhianati adalah haram dalam Islam. Ianya tergolong dalam perbuatan dosakerana ianya merangkumi perlakuan yang ditegah dan dianggap amalan yang di luar norma masyarakat Islam (Ramlan, 2017)

3.3 Integriti Dalam Kalangan Mahasiswa UIS

Mahasiswa menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) Edisi ke-4 bererti penuntut (pelajar) di universiti. Namun jika diteliti secara harfiah, sebenarnya perkataan mahasiswa terdiri daripada dua suku kata. 'Maha' yang membawa maksud besar dan berkuasa, dan 'siswa' yang merujuk kepada sekelompok pelajar atau penuntut di institusi pengajian tinggi. Maka ia dilihat sebagai satu "kelompok" yang bukan sahaja mulia disebabkan kesempatan peluang untuk menuntut di institusi pengajian tinggi tetapi turut mempunyai kuasa mobilisasi massa berpaksikan kapasiti intelektual minda yang dimiliki oleh mereka (Admin, 2019). Maka objektif makalah ini adalah untuk meninjau tahap kefahaman integriti dalam kalangan mahasiswa Universiti Islam Selangor (UIS). UIS merupakan institusi Islam yang berpaksikan moto "Peneraju Tradisi Ilmu". Seiring dengan "niche" Islam yang menepati halatuju pendidikan Islam dan Dasar Pendidikan Negara yang berkualiti, sudah tentunya isu integriti ini sangat dititikberatkan oleh saf para pensyarah yang memiliki sifat *mudarris, mu'allim, muaddib, murabbi, dan mursyid*. (Info UIS, n.d.)

Isu integriti meliputi dua dimensi iaitu integriti akademik dan integriti sosial (Noraeyn, 2021).

a) Integriti akademik

Menyalin hasil kerja orang lain dan kemudian mengatakannya itu hasil kerja sendiri, Mengubahsuai atau memalsukan rujukan dalam senarai rujukan tugasan, Menyalin maklumat daripada sumber digital, seperti internet tanpa menyatakan sumber asalnya, membuat tugasan bersama kawan sedangkan pensyarah menyuruh/meminta membuat tugasan secara individu, Menyalin (*copy*) pernyataan atau maklumat daripada sumber internet tertentu tanpa memberi

kredit (*Quote*) kepada penulis asal, memalsukan dokumen kelayakan masuk universiti antara ketidakjujuran akademik yang berleluasa dalam kalangan mahasiswa.

Budaya “*copy and paste*” iaitu mencedok idea orang lain 100 peratus tanpa melakukan sebarang penambahbaikan dan olahan idea. Selain itu juga meniplak hasil kerja orang lain dan mengaku hak milik peribadi juga adalah masalah yang perlu ditangani. Dapatan kajian Melanie Birks (2018), plagiat adalah kesalahan integriti yang paling tinggi dalam kalangan pelajar. Begitu juga dapatan kajian Robert M. Siegfried (2005) yang menyatakan ramai dari kalangan pelajar universiti juga sering memuat turun perisian komputer dari internet tanpa rasa bersalah langsung. Penggunaan teknologi kecerdasan buatan AI (*artificial intelligence*) turut dieksploitasi penggunaannya. Kredibiliti dan integriti pelajar diuji lagi dengan wujudnya ujian atas talian “*online test*”. (Hasnah, 2023)

b) Integriti Sosial

Integriti sosial menyentuh hal berkaitan kehadiran pelajar juga membimbangkan seperti lewat hadir ke kelas tanpa pemakluman kepada pensyarah dan lebih malang jika ada rakan yang berkompromi untuk menandatangani sahabat mereka yang tidak hadir ke kelas. Kehadiran mencerminkan sifat berintegriti dan bertanggungjawab sebagai orang yang mencari ilmu. Kehadiran ke kelas juga menjadi satu latihan untuk pelajar sebelum keluar bekerja nanti kerana mereka dilatih untuk bangun awal dan menepati masa. Integriti sosial juga meliputi penggunaan telefon pintar semasa pensyarah sedang mengajar adalah satu perbuatan yang tidak beretika kerana pelajar secara terang-terangan menunjukkan sikap mereka yang tidak menghormati pensyarah di depan mereka (Hasnah, 2023). Kajian (Noraeyn, 2021) menyatakan pergaulan tanpa batasan juga adalah masalah integriti sosial yang melibatkan mahasiswa. Pergaulan yang tidak menjaga batasan akan menjejaskan maruah dan harga diri serta kredibiliti seorang mahasiswa. Akibat pergaulan bebas timbul pelbagai isu sosial yang menjejaskan kehidupan seharian mereka dan yang lebih membimbangkan lagi apabila terlibat dengan hubungan terlarang sebelum berkahwin. Berdasarkan Nur Akmaliah & Mawar (2022), kekacauan tersebut berlaku dalam kehidupan mahasiswa hari ini disebabkan mereka tidak memahami bentuk cinta unggul sebagai jalan solusi. Kajian dari UKM melaporkan akibat dari pergaulan bebas juga menyebabkan emosi yang tidak stabil, pengurusan kewangan yang tidak terkawal dan kesan terhadap isu kepercayaan. terlibat dalam kancang penagihan dadah, ketagih terhadap pornografi, melakukan seks bebas dan mengambil minuman keras (Miftahul Jannah 2016).

Dewasa ini, kita juga mendapati para pelajar hanya mengenali pensyarah mereka hanya pada masa pensyarah berkenaan mengajar mereka. Apabila pensyarah itu tidak lagi mengajar mereka, mereka sudah lupa pensyarah tersebut dan ini dapat dilihat apabila pelajar sering menjauhkan diri atau mengelak daripada bertembung dengan bekas pensyarah. Ada juga yang langsung tidak menyapa atau mengucapkan salam apabila bertembung atau berjumpa dengan bekas pensyarah. Para pelajar juga dilihat hanya menegur atau menunduk tanda hormat hanya pada pensyarah yang mereka kenali, manakala pensyarah yang mereka tidak kenal atau tidak pernah mengajar mereka, pensyarah berkenaan tidak akan disapa dan dianggap orang biasa-biasa yang tidak ada kaitan dengan mereka. Mahasiswa perlu bersopan santun dengan siapa sahaja di universiti iaitu daripada pentadbir sehingga ke golongan bawahan. Perbuatan ini perlu diubah kerana kita perlu berbudi kepada semua orang tanpa mengira siapa mereka. Kemahiran insaniah terhasil daripada penglibatan mereka yang aktif dalam berpersatuan, kemampuan untuk berinteraksi dan bergaul dengan masyarakat sekeliling sangat dituntut supaya sentiasa cakna dengan apa yang berlaku di sekelilingnya. Amat malang jika kehidupan seseorang mahasiswa itu seperti kera sumbang atau seperti katak di bawah tempurung sedangkan media sosial telah bergerak pantas melangkaui fikiran. Kekuatan intelektual yang ada serta

kebebasan bersuara yang diperuntukkan menjadi tanggungjawab semua untuk mengislahkannya sehingga menjadi perubahan positif.

4. Dapatan Kajian

Jumlah sampel yang akan terlibat ialah seramai 209 orang. Menurut Kothari (2004) bilangan sampel sebanyak 10% hingga 20% daripada populasi adalah memadai. Begitu juga dengan pendapat Schumacher dan McMillan (2014) yang mengatakan bahawa kajian tinjauan, bilangan subjek yang sesuai adalah lebih kurang 100 orang (Muhamad Jeffery Hizwan, 2018). Instrumen yang digunakan dalam kaedah ini adalah borang soal selidik. Borang soal selidik ini mengandungi tiga bahagian yang perlu dijawab oleh responden iaitu bahagian A: Maklumat Demografi, bahagian B: Ketidakjujuran akademik, bahagian C: Penghayatan Agama. Skala Likert Lima yang sesuai untuk mengukur sikap responden. Item konstruk yang dikemukakan juga mengandungi soalan negatif dan positif. Menurut Noraini (2010), terdapat dua instrumen iaitu peroleh dan tadbir instrumen yang pernah digunakan (adopt), atau tadbir instrumen baru yang dibina sendiri atau orang lain (adapt). Instrumen kajian ini adalah instrumen tadbiran penyelidik sendiri yang diapdatasi dari Ramlan Mustapha 2017.

BAHAGIAN A: Maklumat Demografi

Bahagian ini mengumpul latar belakang responden iaitu fakulti, bidang pengajian, jantina. Seramai 84 orang dari FPM, 107 dari FPPI dan seramai 18 orang dari FMKK. Manakala seramai 54 orang dari peringkat diploma dan seramai 155 orang dari peringkat Ijazah Sarjana Muda. Bagi item jantina pula mahasiswi seramai 138 orang dan mahasiswa seramai 71 orang. Kenyataan ini adalah seperti yang ditunjukkan pada rajah 4.1, 4.2 dan 4.3.

Fakulti					
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	FPM	84	40.2	40.2	40.2
	FPPI	107	51.2	51.2	91.4
	FMKK	18	8.6	8.6	100.0
	Total	209	100.0	100.0	

Rajah 4. 1: Demografi pelajar dari aspek fakulti

Program					
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	DIPLOMA	54	25.8	25.8	25.8
	IJAZAH SARJANA MUDA	155	74.2	74.2	100.0
	Total	209	100.0	100.0	

Rajah 4. 2 Demografi pelajar dari aspek program

Jantina

		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	LELAKI	71	34.0	34.0	34.0
	PEREMPUAN	138	66.0	66.0	100.0
	Total	209	100.0	100.0	

Rajah 4. 3: Demografi pelajar dari aspek jantina

Bahagian B: Intergriti Akademik

Instrumen ini mengandungi 11 item menggunakan lima skala likert iaitu Tidak Pernah (TP) , Sekali (S),Sekali sekala (SS),Beberapa kali (BBK) ,Banyak Kali (BK).

Jadual 2 Interpretasi Skor Min

1.00 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

(Sumber : Nunnally dan Bernstein 1994)

Jadual 4. 1: Intergriti Akademik

Sumber : Adaptasi dari Ramlan Mustapha 2017

Kod	Item	BK	BBK	SS	S	TP	Min	S.P
B1	Menyalin hasil kerja orang lain dan kemudian mengatakannya itu hasil kerja anda	1	7	47	11.0	131	4.32	.965
B2	Mengubahsuai atau memalsukan rujukan dalam senarai rujukan tugas anda.	1	6	26	11	153	4.54	.855
B3	Menyalin maklumat daripada sumber digital, seperti internet tanpa menyatakan sumber asalnya	4	19	63	39	84	3.86	1.107
B4	Mengubah suai hasil kerja orang lain dan dijadikan hasil kerja sendiri	1	13	41	29	125	4.26	1.011

B5	Menerima bantuan yang tidak sepatutnya daripada kawan ketika menyediakan tugas.	2	12	45	19	131	4.27	1.045
B6	Membuat tugas bersama kawan sedangkan pensyarah menyuruh/meminta membuat tugas secara individu.	3	20	65	30	91	3.89	1.119
B7	Menulis tugas untuk pelajar lain	4	11	27	26	141	4.38	1.022
B8	Menyalin beberapa perkataan daripada bahan rujukan tanpa menyatakan rujukan dalam nota kaki	3	17	53	35	101	4.02	1.094
B9	Menyalin (copy) pernyataan atau maklumat daripada sumber internet tertentu tanpa memberi kredit (Quote) kepada penulis asal	7	14	57	27	104	3.99	1.160
B10	Cuba mendapatkan jawapan atau soalan daripada rakan yang telah mengambil sesuatu ujian atau peperiksaan.	7	14	57	35	102	4.07	1.036
B11	Benarkan rakan meniru hasil tugas saya (assignment) sebelum dihantar kepada pensyarah	2	6	48	34	119	4.25	.970

Jadual 4.1 menunjukkan nilai min yang paling tinggi dan yang paling rendah bagi 11 item konstruk yang berada di bawah pembolehubah integriti akademik. Secara keseluruhannya, responden kajian iaitu nilai min yang paling tinggi (min: 4.54) dan yang paling rendah (min: 3.86) mempunyai aras integriti dalam dalam akademik. Perkara ini terbukti dengan kenyataan mengubahsuai atau memalsukan rujukan dalam senarai rujukan tugas' dengan nilai min ialah 4.54.

Bahagian C : Penghayatan Agama (*At-Tadayyun*)

Setiap kelakuan manusia adalah hasil daripada aspek dalaman mereka yang akan membentuk bagaimana manusia memahami sesuatu tindakan dan perbuatan. Situasi dalaman ini merujuk kepada nafsu (*nafs*) manusia. Nafsu (*nafs*) akan mendorong manusia ke arah kebaikan dan keburukan bergantung pada tahap kerohanian dan penghayatan mereka terhadap syariat Islam itu sendiri (Ibn Hajar, 1993).

Pembentukan tingkah laku manusia perlu sejajar dengan kehendak syariah Islam. Menurut Al-Ghazali (1988) akhlak, amalan, budi dan perlakuan manusia dapat diamati dan dizahirkan melalui jiwa (*ruhhiyyah*) dan rohani yang baik dan mantap. Kelemahan akhlak dan moral individu berpunca daripada aspek kerohanian, hati yang lemah dan tidak selari dengan tuntutan keagamaan (Sayid Qutb,

1983). Dalam dunia pendidikan, pembangunan dan penghayatan kerohanian perlu seimbang dengan tuntutan keduniaan, akhirat, jasmani dan kerohanian.

Instrumen ini mengandungi 4 item menggunakan lima skala likert iaitu Tidak setuju (TS), Kurang setuju (KS), Tidak pasti (TP), Setuju (S), Sangat setuju (SS)

Kod	Item	TS	KS	TP	S	SS	Min	S.P
C1	<i>Agama</i> menjadi <i>panduan utama</i> pada setiap tindakan dan kelakuan saya.	2	0	4	66	137	4.61	.627
C2	Lelaki dan perempuan yang bukan mahram haram bersalaman dan bersentuhan.	24	1	2	23	159	4.40	1.294
C3	Mahasiswa yang telah berkahwin tidak digalakkan bersalaman , bersentuhan dan bernesra ketika berada di dalam kawasan UIS	11	20	50	70	58	3.69	1.133
C4	<i>Potret bergambar</i> (lukisan atau gambar) yang memaparkan bentuk tubuh badan manusia (seperti wajah, anggota badan) sepatutnya tidak dibenarkan untuk dipamerkan secara terbuka mahupun secara tersembunyi.	6	3	42	80	78	4.06	.944

Jadual 4. 2 : Penghayatan Agama (*Al-Tadayyun*)
Sumber : Adaptasi dari Ramlan Mustapha 2017

Jadual 4.2 menunjukkan penghayatan agama sebagai panduan utama dalam setiap tindak tanduk kehidupan iaitu mencapai skor min 4.61. Ia diikuti dengan item hubungan lelaki dan perempuan yang bukan mahram haram bersalaman dan bersentuhan. Manakala item ketiga yang memperolehi skor min 4.06 ialah mengenai potret bergambar (lukisan atau gambar) yang memaparkan bentuk tubuh badan manusia (seperti wajah, anggota badan) sepatutnya tidak dibenarkan untuk dipamerkan secara terbuka mahupun secara tersembunyi. Item terendah yang mencapai skor min 3.69 ialah Mahasiswa yang telah berkahwin tidak digalakkan bersalaman , bersentuhan dan bernesra ketika berada di dalam kawasan UIS. Secara keseluruhan dari jadual ini menunjukkan mahasiswa UIS menjadikan agama sebagai panduan hidup.

5. Kesimpulan

Zaman mahasiswa adalah zaman membina fikrah dan idea bagi merangsang idea segar supaya pembinaan sebuah negara bangsa dapat dikecapi. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengambil inisiatif memasukkan elemen integriti dan amalan pencegahan rasuah dalam sistem akademik atau pendidikan formal di institut pengajian tinggi (IPT) sebagai usaha memerangi jenayah

kolar putih. Ia selaras inisiatif Pelan Antirasuah Nasional (NACP) iaitu memperkenalkan kursus mata pelajaran wajib universiti pada peringkat ijazah pertama yang menekankan kepada aspek hubungan antara manusia dan implikasi terhadap persekitaran. Jabatan Pendidikan Tinggi mengelurakan Kursus Integriti dan Antirasuah (KIAR) ditawarkan sebagai kursus wajib MPU di PPT kepada pelajar ambilan/kohort baharu mulai 1 September 2023. KIAR diwajibkan kepada semua pelajar di peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda termasuk pelajar antarabangsa dan pelajar tempatan. Artikel ini memberi galakan kepada mahasiswa dan ahli akademik melakukan penambahbaikan dalam amalan integriti yang mana ia perlu dijadikan silibus wajib dalam semua program.

6. Rujukan

A. Rujukan artikel jurnal

Hasnah, H. (5 Julai, 2023). *Isu Integriti dan Adab dalam kalangan Pelajar IPT*. Retrieved from Universiti Malaysia Pahang: <https://news.umpsa.edu.my/index.php/experts/isu-integriti-dan-adab-dalam-kalangan-pelajar-ipt>

Muhamad Jeffery Hizwan, S. (2018). *Kertas Cadangan Penyelidikan (Sarjana Muda) Tahap Sikap Kerja Dan Hubungannya Dengan Prestasi Kerja Pekerja : Kajian Di Syarikat TRIPLE A*. Retrieved From <https://www.researchgate.net/publication/324056198>:

Noraeyn, E. A. (2021). Integriti Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Ipta: Satu Tinjauan Awal. *Online Journal Of Islamic Management And Finance, VOL 1, NO. 2* , 17-31.

Ramlan, M. (2017). *Reka Bentuk Model Integriti Akademik Berasaskan Penghayatan Rohani*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.

B. Rujukan dari laman sesawang

<https://www.surah.my/>

<https://dorar.net/>

Info UIS. (n.d.). Retrieved from <https://www.uis.edu.my/info-uis>: <https://www.uis.edu.my/info-uis/profil-korporat/pengenalan>

(n.d.). *Laporan Audit Negara* .

Laporan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

(CPI), I. P. (2020). *Transparency International Malaysia (TIM)* .

Admin. (16 Oktober, 2019). *Mahasiswa biar setara cerdas ilmu dengan adabnya*. Retrieved from <https://malaysiagazette.com>: <https://malaysiagazette.com/2019/10/16/mahasiswa-biar-setara-cerdik-ilmu-dengan-adabnya/>

Carter, S. L. (1996). *Integrity*. Amerika: BasicBooks.